

## PBB perlu de

JM 17 SEP 2002

PUTRAJAYA 16 Sept. — Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu mengurangkan sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap Iraq dan mendesak Presiden Saddam Hussein membenarkan pasukan pemeriksa senjata memasuki negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengurangan terhadap sekatan ekonomi itu penting kerana ia jelas tidak memberi apa-apa kesan kepada Saddam sejak ia dikenakan lebih 10 tahun lalu.

Sebaliknya, tegas beliau, rakyat Iraq khususnya golongan tua, wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa dan menderita akibat sekatan tersebut.

“Ia (sekatan) tidak akan membuatkan Saddam mati. Ia hanya menyiksa orang ramai termasuk yang sakit, tua dan kanak-kanak.

“Mereka ini yang membayar harga yang tinggi sekarang, (sedangkan) mereka tidak bertanggungjawab terhadap apa juga yang dilakukan oleh kerajaan Iraq,” katanya di sini hari ini.

Beliau ditanya apakah PBB perlu mengkaji semula zon larangan terbang berikutan serangan tentera Amerika Syarikat (AS) dan Britain terhadap Iraq.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa tindakan AS menyerang Iraq hanya akan memanjangkan lagi tempoh kempen memerangi dan menghapuskan kegiatan keganasan di dunia.

“Kita nak elak daripada menimbulkan perasaan marah dan benci orang-orang Islam. Kalau dia (AS) serang Saddam, negara-negara yang musuh dengan Iraq pun tidak setuju termasuk Arab Saudi dan Mesir.

“Kalau dia (AS) serang juga, sudah tentu orang Islam akan merasa didiskriminasi dan (diserang) atas rasa kebencian kepada Islam,” katanya.

Beliau berkata, AS dan rakan sekutunya perlu mengambil kira pandangan negara-negara lain yang menentang rancangannya menyerang Iraq itu.

“Itulah masalahnya, double standard. Pada satu ketika, mereka berkata akan mengikut peraturan antarabangsa, dan pada masa yang lain, jika peraturan itu tidak memberi faedah kepada mereka, mereka lupakannya,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, banyak negara yang tidak menyokong rancangan AS itu kecuali Britain.

“Britain pun kerajaan sahaja, mungkin Tony Blair (Perdana Menteri Britain) sahaja, yang lain itu, tak tentu,” katanya.

Mengenai kewibawaan PBB, Dr. Mahathir

berkata, dari awal penubuhannya lagi, PBB sudah memperlihatkan bahawa badan itu diwujudkan hanya untuk kepentingan negara-negara kuasa besar.

Katanya, dengan jumlah negara yang terhad di awal penubuhannya, PBB memang diwujudkan supaya kuasa besar boleh menggunakan untuk menghalalkan tindakan mereka.

Namun, tegas Perdana Menteri, apabila kuasa besar mendapati mereka tidak mendapat sokongan dan tidak boleh lagi memanipulasi PBB, mereka mula mengepikan badan itu.

“Kalau (PBB) boleh diperalatkan, itu berguna. Kalau tidak boleh diperalatkan, lupakan PBB,” katanya.

Mengenai peranan media Barat, Dr. Mahathir berkata, mereka sebenarnya batu api supaya mereka dapat menyiarkan berita setiap hari dan muncul sebagai hero apabila wartawan mereka terbunuh.

“Tetapi kalau sudah pergi ke sana (medan perang), memang terbunuhlah...itu bukannya hero,” katanya.

Mengenai laporan media asing berhubung pegawai tertinggi al-Qaeda yang ditangkap di Pakistan minggu lalu berada di Kuala Lumpur untuk membincangkan serangan 11 September, Dr. Mahathir berkata, mereka boleh berada di mana sahaja di dunia ini.

“Tetapi di mana juga mereka berada, itu tidak bermakna negara itu memberikan perlindungan atau sokongan kepada mereka.

“Kita tidak tahu siapa mereka. Kalau kita diberitahu sejak dari awal lagi, oklah,” katanya.

Perdana Menteri juga membidas sikap Barat yang mengkritik tindakan Malaysia menahan mereka yang disyaki di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atas alasan bertentangan dengan prinsip manusia.

“Kita tidak harus ambil tindakan sebelum sesuatu jenayah itu dilakukan. Malangnya, bila jenayah sudah dilakukan, ada orang yang akan membayar dengan harga yang tinggi,” jelasnya.